

Amaran ribut petir, angin kencang di beberapa lokasi

Kuala Lumpur: Ribut petir, hujan lebat berserta angin kencang dijangka berterusan sehingga awal malam ini yang berisiko menyebabkan kejadian angin kencang dan banjir kilat.

Sehubungan itu, Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM), dalam satu kenyataan semalam, menyebut penduduk di Selangor (Daerah Gombak, Petaling, Klang dan Hulu Langat); Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur; Wilayah Persekutuan Putrajaya; Perak (Daerah Hulu Perak, Kuala Kangsar, Kinta, Kampar, Hilir Perak, Muallim dan Batang Padang); Pahang (Daerah Cameron Highlands, Lipis, Raub, Bentong, Temerloh, Bera, Kuantan dan Jerantut) dan Terengganu (Daerah Kemaman) diarah bersiap siaga serta mengambil langkah berjaga-jaga.

Amaran kepada nelayan

Pada masa sama, orang ramai terutama nelayan bot kecil dinasihat tidak turun ke laut dalam masa terdekat berikutan amaran ribut petir di beberapa lokasi perairan negara sehingga lewat petang Jumaat.

Keadaan berkenaan menyebabkan angin kencang sehingga 50 kilometer sejam (kmsj) dan laut bergelora dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter (11 kaki) khususnya di perairan Kedah, Pulau Pinang, Pahang dan Johor.

Amaran ribut mungkin berlaku di perairan Phuket, Selat Melaka Selatan, Tioman, Bunguran dan Reef South.